

10 SEP 2003

PERUJIAN MEMBACA AL-QURAN: SEMBILAN PESERTA PERDENGARKAN BACAAN

JOHOR BAHRU, 10 Sept (Bernama) -- Sebanyak lima qari dan empat qariah memperdengarkan bacaan masing-masing pada Perujian Membaca al-Quran peringkat kebangsaan kali ke-46 di Stadium Tertutup Bandaraya Johor Baharu di sini malam ini.

Qari terbabit ialah dari Wilayah Persekutuan, Terengganu, Melaka, Selangor dan Pahang manakala qariah pula dari Sabah, Wilayah Persekutuan, Perlis dan juara menunggu tahun lepas.

Peserta pertama pada malam ini ialah qari Wilayah Persekutuan, Wan Fakhrulrazi Wan Mohamad diikuti qariah Sabah, Parmah Anggas manakala peserta ketiga ialah Mohamad Hafas Ali (Terengganu) disusuli qariah Wilayah Persekutuan, Hasnah Amin.

Azrais Abdul Hak, qari Melaka merupakan peserta kelima diikuti juara menunggu qariah kebangsaan, Umi Kalthum Mohd Zin, Ahmad Mustafa Mohd Sidin (peserta ketujuh), Sarina Che Yahya (Perlis) dan peserta terakhir, Ahmad Faizul Ghazali dari Pahang.

Perujian Membaca al-Quran peringkat kebangsaan itu yang berlangsung selama lima hari mulai semalam dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

BH RV ROS